



Ruj. Kami: JANM.BPOPP.600-15/4/5(19)

Tarikh: 15 Mei 2019

Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri dan Cawangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Agensi Penerbangan seperti di Senarai Edaran

YBrs Dr/ Tuan/ Puan,

PEMBAYARAN BIL WARAN PERJALANAN UDARA AWAM (WPUA) DAN PENYELESAIAN RALAT BERULANG

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Hasil daripada mesyuarat yang diadakan bersama Agensi Penerbangan pada 9 Mei 2019 berhubung dengan penyelesaian ralat-ralat WPUA yang masih berulang, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh Agensi Penerbangan/ Pejabat Perakaunan/ PTJ dalam menangani isu ralat berulang seperti di Lampiran A.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan perhatian Agensi Penerbangan dan juga Pejabat Perakaunan bagi memberi penerangan kepada PTJ serta mengambil tindakan seperti yang dinyatakan. Pejabat Perakaunan juga dipohon untuk memaklumkan kepada PTJ agar menggunakan GTS 2.0 bagi Malaysia Airline Berhad (MAB) dan agensi Air Asia Berhad serta Malindo Air juga telah disarankan untuk menggunakan GTS 2.0 bagi menangani isu ralat berulang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD REDZUAN BIN HASAN C.A (M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
b.p. Akauntan Negara Malaysia

s.k

Pengarah

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)

Senarai Edaran :

1. Malaysia Airline Berhad
2. Air Asia Berhad
3. Malindo Airways Sdn Bhd

Berikut merupakan punca ralat yang kerap berlaku yang memerlukan tindakan agensi/ Pejabat Perakaunan/ Pusat Tanggungjawab(PTJ) :

1. Ralat Amaun Berbeza dengan WPUA

- 1.1 **Punca Ralat** : Jumlah tambang dan cukai pada WPUA berbeza dengan amaun tambang dan cukai pada bil fail AP504. Perkara ini berpunca kerana kesilapan kunci masuk maklumat jumlah tambang dan cukai oleh agensi pengembaraan. Contoh adalah seperti di [Lampiran 1](#).

Tindakan pencegahan : Agensi pengembaraan adalah diingatkan supaya mengunci masuk amaun yang betul bagi tambang dan cukai sepertimana WPUA. Agensi Penerbangan juga adalah diingatkan supaya mengawasi ralat ini agar arahan kepada PTJ bagi pembayaran melalui Modul AP Invois Tanpa Pesanan tidak lagi diamalkan sewenang-wenangnya bagi menangani isu ini;

- 1.2 **Punca Ralat** : Penggunaan jenis kod dan kod akaun yang salah bagi SST iaitu PTJ memilih Jenis Kod O1 (Kod Akaun BO221106) seperti contoh di [Lampiran 2](#). Jenis kod dan kod akaun yang betul bagi *Sales and Service Tax* (SST) bagi perjalanan Kakitangam Awam (Dalam Negeri) adalah Jenis Kod : O2(Kod Akaun : BO221199).

Tindakan pencegahan : Pejabat Perakaunan hendaklah memaklumkan kepada PTJ penggunaan jenis kod dan kod akaun yang betul semasa menyediakan WPUA di iGFMAS. Senarai kod jenis bagi WPUA boleh disemak di dalam portal iGFMAS semasa proses kunci masuk WPUA adalah seperti di [Lampiran 3](#).

2. Ralat Kod Akaun Berbeza/Kod Akaun Pukal Berbeza/ Nombor Waran Berbeza dengan WPUA

- 2.1 **Punca Ralat** : Kod akaun pada data induk pukal tidak dikemaskini sebagai **99999999**.

Tindakan : Pejabat Perakaunan perlu memastikan pengemaskinian kod akaun di dalam SAPGUI melalui T-code ZRAPO25B – Kemaskini akaun pukal adalah menggunakan kod dummy **99999999** seperti di [Lampiran 4](#). Sekiranya kod akaun berbeza daripada kod dummy tersebut, ralat kod akaun berbeza akan dijana semasa simulasi pukal; dan

- 2.2 **Punca Ralat** : Kesilapan kunci masuk kod-kod yang dinyatakan di atas oleh pihak agensi pengembaraan. Penggunaan sistem yang tidak berintegrasi seperti GTS1.0 bagi MAB dan juga sistem agensi Air Asia Berhad dan Malindo Air menyumbang kepada ralat ini

kerana kunci masuk maklumat waran di dua (2) sistem iaitu iGFMAS (oleh PTJ) dan sistem agensi (oleh agensi pengembaraan).

Tindakan pencegahan : Pejabat Perakaunan hendaklah mengesyorkan penggunaan GTS 2.0 kepada PTJ bagi MAB. Manakala agensi Air Asia Berhad dan Malindo Air hendaklah memastikan agensi pengembaraan mengunci masuk maklumat Kod Akaun /Kod Akaun Pukal / Nombor Waran yang sama seperti WPUA yang dikeluarkan.

3. Ralat Waran Pesanan telah dibatalkan

Terdapat situasi dimana WPUA dibatalkan setelah berstatus 80 dan tiket telah dikeluarkan oleh agensi pengembaraan. Pembatalan dibuat melalui telefon oleh PTJ dengan agensi pengembaraan. Bil melalui AP504 akan dicaj oleh agensi setelah tiket dikeluarkan. Oleh itu, PTJ hendaklah mengelakkan keadaan ini berlaku kerana bayaran balik atas pembatalan tiket hanya boleh dilakukan melalui proses *refund* dan ianya agak mengambil masa. Sekiranya berlaku, kedua-dua pihak iaitu PTJ dan agensi hendaklah membuat susulan bagi mengelakkan proses *refund* terlepas pandang.

4. Pemantauan ke atas agensi pengembaraan yang sering membuat kesilapan

Susulan daripada ralat yang berulang oleh agensi pengembaraan akibat kesilapan kunci masuk maklumat seperti kod akaun pukal/ kod jenis/ nombor waran/ agensi, Agensi Penerbangan hendaklah memastikan pemantauan rapi ke atas agensi pengembaraan agar ralat tidak berulang.

5. Pemantauan penggunaan GTS 2.0 bagi pengeluaran WPUA

Berdasarkan ralat-ralat yang masih berlaku disebabkan penggunaan GTS 1.0 bagi MAB dan sistem yang tidak berintegrasi yang digunapakai oleh Air Asia Berhad dan Malindo Air, dipohon kerjasama Pejabat Perakaunan memaklumkan kepada PTJ agar menggunakan GTS 2.0 bagi penggunaan WPUA MAB. Agensi Penerbangan selain MAB juga disarankan mewujudkan sistem yang berintegrasi bagi mengelakkan ralat yang berulang disebabkan kesilapan kunci masuk oleh agensi pengembaraan.

Pemantauan penggunaan WPUA GTS 2.0 boleh dikenalpasti melalui dua (2) kaedah oleh Pejabat Perakaunan semasa proses Semak WPUA iaitu :

i. Senarai Tugas Harian (STH)

Sekiranya PTJ menggunakan GTS 2.0, WPUA yang terpapar pada STH akan tertera "Pengesahan Perakuan II Waran Perjalanan Udara iGFMAS No Dokumen xxxx". Manakala sekiranya PTJ yang tidak menggunakan GTS 2.0, perkataan iGFMAS tidak tertera pada STH. Contoh adalah seperti di [Lampiran 5](#).

ii. Maklumat WPUA di portal

Sekiranya PTJ menggunakan GTS 2.0, terdapat maklumat pada ruangan ID tempahan dan juga maklumat pada Kod Agensi Pengeluar Tiket adalah nama Agensi Penerbangan. Contoh adalah seperti di [Lampiran 6](#).

Carta aliran penggunaan GTS 2.0 berbanding 1.0 adalah seperti di [Lampiran 7](#).

6. Pemantauan bayaran balik bagi *No Show Passenger*

Selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan, bayaran balik dari agensi bagi *No Show Passenger* ditafsirkan sebagai jumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa dan ianya dikategorikan sebagai Akaun Belum Terima (ABT). Sehubungan dengan itu, Pejabat Perakaunan hendaklah memaklumkan kepada PTJ agar bayaran balik bagi *No Show Passenger* dibuat susulan dengan pihak agensi dengan kadar segera. Pihak Agensi Penerbangan juga hendaklah memastikan bayaran balik bagi *No Show Passenger* diproses segera dan sekiranya terdapat dokumen yang tidak lengkap semasa permohonan bayaran balik dimaklumkan kepada PTJ dengan segera.

SEBUTHARGA DARI AGENSI PENGEMBARA

From: Pelancongan Merdeka Sdn Bhd Miri <pmsb.myy@gmail.com>
 Sent: Thursday, February 7, 2019 2:18 AM
 To: RINSE_BRIDAL@hotmail.my
 Subject: SEBUT HARGA TAMBANG

Warmest Greeting From Pelancongan Merdeka Sdn Bhd (MIRI BRANCH)

SELAMAT PAGI

Bersama ini disertakan sebut harga dan tempahan

BOOKING NO: M48MTQ

1.MOHD SOFFRE/ABDULSAID

2 MH2575 11FEB 1 MYYKUL HK1 1430 1640 11FEB

3 MH2594 13FEB 3 KULMY Y HK1 1415 1635 13FEB

FARE1037.36
 TAX RM24.00
 TOTAL RM1061.36

DATELINE BY TOMORROW @ 3PM

WPUA

Welcome ROSNAH BINTI JAHAM

Tugasan Data Induk Baucar Jumlah Perolehan Pengurusan Arahan Pembayaran Termination Panjar Perakaunan Aset Laporan JSM
 Pesanan Kerajaan Tanggungan Kontrak Kerajaan Waran Perjalanan Udara Awam Laporan

• Puka:
 • Status Dokumen
 • Bukan Puka

Jenis Urusniaga: IP5
 ID Tempahan: 600012
 Nombor Dokumen: 07.02.2019
 Tarikh Dokumen: 1033
 Pejabat Perakaunan: E2
 Pegawai Pengawal Pembayar: 54130600
 Kump. PTJ & PTJ Pembayar *
 Akaun Puka #: 93323886
 Kod Syarikat Penerbangan: 2000000003
 Kod Agensi Pengeluar Tiket #: 6000061695

WARAN PERJALANAN UDARA AWAM
 JABATAN AKAUNTAN NEGARA CAVIANGAN MIRI
 KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
 KUMPULAN PTJ JABATAN MIGRESEN MALAYSIA
 PEJABAT MIGRESEN MIRI
 MALAYSIA AIRLINES BERHAD
 PELANCONGAN MERDEKA SDN BHD

KOD DIPERTANGGUNG

Kod Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vol/Dana	Program/Aktiviti	Projek	Selia	Sub Selia	CP
E2	54130600	B-2	000300				

BUTIRAN

Sila keuarkan tiket PERGI/PERGI BALKI untuk perjalanan udara mengikut butir-butir di bawah ini. Pengeluaran waran ini adalah mematuhi segala Pekeliling Kerajaan yang berkaitan dengan perjalanan udara rasmi.

Rujukan kuasa untuk perjalanan tersebut di bawah TUGAS RASMI

Tambah Hapus

Bil	Nama Penumpang	Tarikh Ketibaan	Masa Ketibaan	Kelayakan Tambang	Berat Bagasi Berlebihan	Sektor	Kod Jens	Kod Akaun	
1	MOHD. SOFFRE BIN ABUL SAID	11.02.2019	14:30:00	H	30	MY-Y-KUL	01	B0221106	518.68
2	MOHD. SOFFRE BIN ABUL SAID	13.02.2019	14:15:00	H	30	KUL-MY	01	B0221106	518.68
3	QUIKA	13.02.2019	14:15:00	H	60	MY-Y-KUL-MY	02	B0221199	24.00
Jumlah									1,061.36

INVOIS

INVOIS CUKAI

Malaysia Airlines Berhad
Level 3, Administration Building
Southern Support Zone, KLIA
64000 Sepang, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603 8777 6076
Fax: +603 8777 6010
Web: www.malaysiaairlines.com

PEJABAT IMIGRESEN BAHAGIAN MIRI
TINGAKT 2 & 3, WISMA YU LAN JALAN
BROOKE 98000 MIRI

No Invois : 3100029230
Tarikh : 07-02-2019
No Akaun : G93323886
Tempoh Bayaran : 30 hari dari tarikh invois
SST Number : W24-1808-

Pegawai Untuk Dihubungi:

Nama : Nur Sabrina / Ramdhan
No Tel. : 03 87776041 / 03 87776076
Email : nursabrina.hassanbasri@malaysiaairline
s.com /

Sebarang pertikaian / pertanyaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh invois ini.

Butiran Caj Tambang Perjalanan Amaun (MYR)

Rujukan : 600012
Ejen : PELANCONGAN MERDEKA
SOC : 2030126

Tambang 940.00
Cukai 40.00

Diskaun

Jumlah Amaun 980.00

SST @ 6% 57.36

Jumlah Amaun Kena Dibayar 1,037.36

Ringkasan Cukai

Pembekalan Berkadar Standard	MYR	0.00
*Pembekalan Tak Bercukai/ Berkadar Sifar/ Pembekalan Dikecualikan	MYR	0.00
SST @ 6%	MYR	57.36
Jumlah Amaun Kena Dibayar	MYR	1,037.36

LAMPIRAN 2

WPUA

SST : Kod Jenis : 02, Kod Akaun :

Bil	Nama Penumpang	Tarikh/ Masa Ketibaan	Kelayakan Tambang	Berat Bagasi Berlebihan	Perjalanan Dari Ke	Kod Jenis	Kod Akaun	Amaun (RM)
1	MOHAMMAD	16022019/1405	H		KUL-BKI	01	B0221106	503.00
2	MOHAMMAD	19022019/1510	H		BKI-KUL	01	B0221106	503.00
3	MOHD ZAWA	16022019/1405	H		KUL-BKI	01	B0221106	503.00
4	MOHD ZAWA	19022019/1510	H		BKI-KUL	01	B0221106	503.00
5	SST	16022019/0000	H		KUL-BKI-KUL	01	B0221106	122.64
6	CUKAI L/TERBANG	16022019/0000	H		KUL-BKI-KUL	02	B0221199	80.00
Disahkan bahawa jumlah tanggungan untuk perjalanan ini telah diperakunkan dalam buku vot di bawah pecahan kepala seperti di atas dan peruntukan adalah mencukupi.							Jumlah (RM)	2,214.64
Nota : - # Medan ini tidak perlu diisi bagi Waran Perjalanan Udara Awam yang tidak melalui bayaran pukat.								
* Potong yang mana tidak berkenaan.								

Ralat dimaklumkan oleh AO semasa simulasi:

25	600000	2214.64	139	034038	2012	AMAUN BERBEZA DENGAN WPUA	AMAUN BIL DAN AMAUN WPUA ADALAH SEPADAN
26	600000		140	034038	202.64	AMAUN BERBEZA DENGAN WPUA	AMAUN BIL DAN AMAUN WPUA ADALAH SEPADAN

LAMPIRAN 3

SENARAI KOD JENIS DAN KOD AKAUN

Welcome FARAYATI BHINTI ISMAIL

Tugas Data Induk Waran Beucar Jurnal Perolehan Pengurusan Arahan Pembayaran Terimaan Panjar Perakunan Aset Laporan JSM

Pesanan Kerajaan Tanggungan Kontrak Kerajaan Perubahan Tanggungan Pesanan / Kontrak Kerajaan Waran Perjalanan Udara Awam Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan Arahan Pengurangan Kuantiti Bekalan

Pukat

- Batal
- Status Dokumen
- Daftar
- Kemaskini
- Kemaskini Integrasi
- Bukan Pukat

DAFTAR WARAN PERJALANAN UDARA AWAM

Simpan Semak Data Hantar Lulus Kurir Set Semula Hapus

Batal Cetak Kembali

UTAMA

Jenis Urusniaga
Nombor Dokumen
Tarikh Dokumen
Pejabat Perakunan
Pegawai Pengawal Pembayar
Kump. PTJ & PTJ Pembayar *

Akaun Pukat *
Kod Syarat Penerbangan
Kod Agensi Pengeluar Tiket *

KOD DIPERTANGGUNG

Kod Pegawai Pengawal

BUTIRAN

Sila keluarkan tiket "PERGI/PERGI BALK" untuk perjalanan udara mengikut butir-butir di bawah ini. Pengeluaran waran ini adalah mematuhi segala Pekeliling Kerajaan yang berkaitan dengan perjalanan udara rasmi.

Rujukan kuasa untuk perjalanan tersebut di bawah TUGAS RASMI

Tambah Hapus

Bil	Nama Penumpang	Tarikh Ketibaan	Masa Ketibaan	Kelayakan Tambang	Berat Bagasi Berlebihan	Sektor	Kod Jenis	Kod Akaun	Amaun (RM)
1			00.00.00						0.00
Jumlah									0.00

OK Cancel

Maklumat WPUA di portal

Sekiranya PTJ menggunakan GTS 2.0, terdapat maklumat ID pada ruangan ID tempahan dan juga Kod Agensi Pengeluar Tiket adalah nama Agensi Penerbangan.

STATUS DOKUMEN WARAN PERJALANAN UDARA AWAM

Simpan | Semak Data | Hantar | Lulus | Kurang | Set Semula | Hapus

Data | Cetak | Kembali

UTAMA

Jenis Urusniaga: Bawa Kehadapan

WARAN PERJALANAN UDARA AWAM

ID Tempahan: **NRQRPG20190228**

Nombor Dokumen: 800001

Tarikh Dokumen: 01.03.2019

Pegawai Perakaunan: 1102

Pegawai Pengawal Pembayaran: 86

Kump. PTJ & PTJ Pembayar: 27020501

KEMENTERIAN KEWANGAN
 KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
 KUMPULAN PTJ JABATAN AKAUNTAN NEGARA
 BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Akaun Pukal: 01GG0106

Kod Syarikat Penerbangan: 200000003

Kod Agensi Pengeluar Tiket: **SHEH TRAVEL HQ**

MALAYSIA AIRLINES BERHAD

KOD DIPERTANGGUNG

Kod Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vet/Dana	Program/Aktiviti	Projek	Setia	Sub Setia	CP
86	27020501	810	050301				

BUTIRAN

Sila keluarkan tiket *PERGYPERGI BALK* untuk perjalanan udara mengikut butir-butir di bawah ini. Pengeluaran waran ini adalah mematuhi segala Pekeliling Kerajaan yang berkaitan dengan perjalanan udara rasmi.


Rujukan kuasa untuk perjalanan tersebut di bawah: **TUGAS RASMI**

Tambah | Hapus

Bil	Nama Penumpang	Tarikh Ketibaan	Masa Ketibaan	Kelayakan Tambang	Berat Bagasi Berlebihan	Sektor	Kod Jens	Kod Akaun	Amount (RM)
1	BINWANHARUNNR WANMOHDAWAD	14.03.2019	14.10.00	H		KUL-BK-KUL	01	80221106	926.00
2	Airport charge	14.03.2019	14.10.00	H		KUL-BK-KUL	02	80221199	40.00
3	SST	14.03.2019	14.10.00	H		KUL-BK-KUL	02	80221199	56.52
Jumlah									1,022.52

LAMPIRAN 7

**Proses Penempahan & Pengeluaran Waran – GTS 2.0
(Integrasi Waran) - (Semua GDS/Agen boleh guna 2.0)**



**Proses Penempahan & Pengeluaran Waran – GTS 1.0
(Daftar Waran/Waran Offline)**

